

TURUTAN UJARAN PASANGAN BERDAMPINGAN DALAM PROGRAM PENGACARAAN WANITA HARI INI

Azean Idruwani Idrus¹
Ahmad Mahmood Musanif²
Sharil Nizam Sha'ri²
Universiti Nilai, Malaysia¹
Universiti Putra Malaysia²

Abstrak

Program pengacaraan *Wanita Hari Ini* merupakan program bual bicara antara pengacara dan orang yang diwawancara yang berlangsung secara spontan dan tidak mempunyai skrip. Kebijaksanaan dan kecekapan pengacara serta orang yang diwawancara sepanjang program tersebut bersiaran dapat menarik perhatian khalayak untuk terus mengikuti program tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis turutan ujaran pasangan berdampingan antara pemeran dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Tumpuan kajian adalah terhadap skrip pengacaraan, iaitu tujuh topik daripada segmen *Asam Garam Rumah Tangga*. Data dianalisis melalui kaedah analisis kandungan teks dengan mengaplikasikan teori analisis perbualan oleh Heritage (1992). Hasil kajian menunjukkan terdapat 15 pola turutan ujaran pasangan berdampingan diadaptasikan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaian dalam bentuk tanya-jawab struktur isi program pengacaraan. Kepelbagaian pasangan berdampingan ini amat signifikan dalam mencapai tujuan sebenar sesebuah program pengacaraan seterusnya mewujudkan perbualan yang berkesan. Kajian ini penting dijalankan bagi memberi panduan dan pendedahan bukan sahaja kepada pengacara dan orang yang diwawancara tetapi juga kepada khalayak yang meminati bidang penyiaran, khususnya dalam program pengacaraan.

Kata kunci : turutan ujaran; pasangan berdampingan; program pengacaraan; analisis perbualan; pengambilan giliran

UTTERANCE SEQUENCE ADJACENCY PAIRS IN TALK SHOW WANITA HARI INI

Abstract

Wanita Hari Ini program is a spontaneous no scripts talk show. The wisdom and competence of the host and the person interviewed throughout the program can attract the attention of the audience to keep up with the program. Hence, this study aims to identify and analyze utterance sequence adjacency pairs between host and the interviewees in the Wanita Hari Ini program. The focus of the study is on the hosting script, which has seven topics from the Asam Garam Rumah Tangga segments. The data were analyzed through the analysis of textual content by applying the theory of conversation analysis by Heritage (1992). The results showed that there were 15 utterance sequence adjacency pairs adapted in the Wanita Hari Ini program. This suggests that there is diversity in the form of question-answer structure of the program hosting. This diversity of adjacency pairs is very significant in achieving the real purpose of a program in creating an effective conversation. This study is important to provide guidance and exposure not only to host and interviewees but also to audiences interested in the broadcasting field, particularly in the program hosting.

Keywords: *utterance sequence; adjacency pairs; talk show; conversation analysis; turn taking*

PENDAHULUAN

Wanita Hari Ini merupakan program pengacaraan yang membincangkan isu berkaitan kewanitaan dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga*. Program pengacaraan ini dikendalikan oleh pengacara (P) sebagai moderator yang berperanan untuk memulakan dan menamatkan perbincangan yang dijalankan secara langsung. Ini menjelaskan peranan P yang mempunyai kuasa yang tinggi jika dibandingkan dengan pemeran-pemeran utama (Rohaidah Mashudi et.al, 2013: 169). Manakala orang yang diwawancara (ODW) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang diundang bagi membincangkan topik, berkongsi maklumat, dan mempengaruhi khalayak terhadap isu yang dibincangkan seterusnya menjadi jaringan penyebar informasi. Hal ini sekaligus membuktikan hubungan media massa dengan kehidupan manusia (Siti Norsyahida Mohd A. Rashid dan Nurfarhana Shahira Rosly, 2016: 162).

Mekanisme turutan ujaran pasangan berdampingan (*adjacency pairs*) dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* bukan hanya berfungsi sebagai medium informasi, tetapi bersifat lebih komunikatif. Turutan ujaran pasangan berdampingan ini menyediakan peluang kepada pemeran untuk terlibat secara langsung dan aktif dalam program pengacaraan. Hal ini demikian kerana turutan ujaran pasangan berdampingan merupakan turutan giliran antara dua pemeran dalam bentuk berpasangan dalam menghasilkan perbualan. Turutan giliran ini berlangsung dengan cara proses penggantian dan penggiliran berbicara bersilih ganti secara giliran yang sekata (Mohd Abdul Nasir Abd. Latif, 2014: 260). Dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* pengambilan giliran dalam perbualan menunjukkan pemeran memahami percakapan pada giliran sebelumnya dan menyatakan kemungkinan percakapan yang seharusnya dituturkan pada giliran yang berikutnya sebagai susulan. Menurut Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016: 150) pemeran akan sentiasa berusaha untuk menjadikan ujaran mereka mudah difahami serta mempunyai pertalian dengan konteks supaya dilihat sebagai hanya menuturkan sesuatu yang berkaitan dan diperlukan sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila pemeran saling memainkan peranan masing-masing, maka barulah dikatakan perbualan berlangsung dan pengambilan giliran berlaku (Roslina Mamat et.al, 2012: 853). Pengambilan giliran yang teratur dapat membina hubungan sosial yang utuh antara pemeran yang terlibat dalam suatu peristiwa komunikatif (Rohaidah Mashudi et.al, 2017: 73).

Kewujudan turutan ujaran pasangan berdampingan dalam perbualan bukanlah untuk menentukan tingkah laku penutur, tetapi lebih kepada susunan struktur (*structural organization*) dalam perbualan (Heritage, 1992: 248). Secara lebih jelas, turutan ujaran pasangan berdampingan bukan sahaja berkaitan dengan ujaran dan ikatan kenahuan bahasa, tetapi juga berkaitan dengan turutan perbualan yang wujud dalam kehidupan sebenar (Mey, 2001: 5). Justeru, turutan ujaran pasangan berdampingan yang digunakan oleh P dan ODW dalam program pengacaraan dapat memastikan tujuan penyiaran program tersebut dalam menyampaikan maklumat tentang sesuatu isu dan maklumat ini dikongsi bersama khalayak.

P dan ODW mempunyai peranan masing-masing dalam menjayakan program pengacaraan. P bertanggungjawab mengemukakan pertanyaan manakala ODW pula berperanan untuk menjawab pertanyaan tersebut. Oleh itu, turutan ujaran pola pasangan berdampingan tanya-jawab antara P dan ODW mendominasi perbualan dalam sesebuah program pengacaraan (Ni Putu Elistiawati, Ni Luh Nyoman Seri Malini dan I Nyoman Triediwan, 2016). Hal ini kerana turutan ujaran pola pasangan berdampingan ini berperanan menimbulkan keteraturan, kejelasan dan keberkesanan dalam perbualan. Sungguhpun demikian, pola turutan ujaran pasangan berdampingan ini bersifat kompleks dan menuntut masa yang lama untuk penjelasan oleh pemeran (Ahmad Bengar Harahap, 2016). Oleh hal yang demikian menyebabkan berlakunya gangguan dan ketidaklancaran dalam perbualan (Yashinta Farahsani, 2013). Ini secara jelas memperlihatkan pola turutan ujaran pasangan berdampingan tanya-jawab ini sangat penting dalam memastikan tujuan penyiaran program pengacaraan tersebut dapat dicapai. Namun timbul persoalan apakah hanya wujud pola turutan ujaran pasangan berdampingan tanya-jawab semasa berinteraksi antara P dan ODW atau wujudnya pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang lain. Oleh yang demikian wajarlah kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan

menganalisis turutan ujaran pasangan berdampingan yang terdapat dalam ujaran pemeran khususnya dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*.

SOROTAN LITERATUR

Kajian tentang perbualan banyak diperkatakan oleh para sarjana, namun kajian turutan ujaran pasangan berdampingan masih tidak mencapai peringkat yang mendalam. Kebanyakan kajian lebih tertumpu pada aspek kesantunan dan humor dalam perbualan. Indirawati Zahid dan Nasihah Hashim (2018) telah mengkaji tentang aspek kesantunan dalam rancangan realiti televisyen mendapati bahawa dalam menyampaikan kritikan, penutur Melayu masih menitikberatkan kesantunan dalam berkomunikasi. Aspek ini amat berkait rapat dengan ajaran agama Islam, membuka aib seseorang itu merupakan sesuatu yang dilarang. Sehubungan itu, kesantunan Melayu dipraktikkan oleh orang Melayu Islam yang sememangnya berasaskan ajaran Islam (Awang Sariyan, 2007; Tenas Effendy, 2011). Menurut Kalthum Ibrahim dan Nur Faedah Kamaruzaman (2017) kategori kesantunan yang mendominasi perbualan adalah kategori berhempah dan kategori penghargaan. Kajian oleh Siti Norsyahida Mohd A. Rashid dan Nurfarhana Shahira Rosly (2016) mendapati unsur humor dalam program Maharajalawak Mega 2015 mengandungi nasihat dan mesej tertentu dalam setiap penyampaian pemeran yang menjayakan rancangan tersebut.

Walaupun terdapat kajian yang menumpukan tentang turutan ujaran pasangan berdampingan namun kajian lebih cenderung membincangkan tentang faktor luar bahasa. Kajian Heri Mudra (2018) dan Ahmad Bengar Harahap (2016) mendapati turutan ujaran pasangan berdampingan bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor konteks dan situasi yang melatari perbualan tetapi turut dipengaruhi oleh faktor kesukuan, bangsa dan agama. Sekaligus mewujudkan kelancaran dalam ujaran dan pola perbualan yang berbeza. Namun demikian, turutan ujaran pasangan berdampingan ini juga bersifat kompleks dan menuntut masa yang lama untuk penjelasan.

Seterusnya, kajian Maria Theresia Priyastuti (2017), Yashinta Farahsani (2013), Afritta Dwi Martyawati (2016) dan Ahmad Bengar Harahap (2009) juga membincangkan tentang turutan ujaran pasangan berdampingan dalam pembelajaran bahasa. Hasil kajian mendapati terdapat bentuk dan fungsi pasangan berdampingan dalam proses pembelajaran bahasa Inggeris. Pola turutan ujaran pasangan berdampingan digunakan bagi mendapatkan penerangan lanjut daripada mahasiswa sewaktu pembelajaran sedang berlangsung. Namun demikian, unsur celahan yang wujud dalam pola pasangan berdampingan bukan sahaja menunjukkan pemahaman yang kurang tentang pengambilan giliran bahkan juga mengganggu aliran perbualan (Maria Theresia Priyastuti, 2017). Hal ini menyebabkan berlakunya gangguan dan ketidاكلancaran dalam perbualan (Yashinta Farahsani, 2013). Dapatan kajian Afritta Dwi Martyawati (2016) menunjukkan pola pasangan berdampingan yang diaplikasikan dalam perbualan dapat meningkatkan kemampuan dalam berbahasa. Selain itu, pemahaman yang jelas tentang pola pasangan berdampingan dalam perbualan yang menggunakan bahasa asing akan dapat difahami dengan jelas (Ahmad Bengar Harahap, 2009).

Kajian dari segi aspek morfologi diteliti oleh Sulis Setiawati dan Heppy Atma Pratiwi (2016) yang melihat kohesi dalam kata hubung, iaitu hanya 10 pola pasangan berdampingan yang menggunakan kata hubung yang kohesi. Menurut pengkaji ini tidak bermakna pola pasangan berdampingan tidak gramatis sebaliknya terdapat tiga faktor lain yang mempengaruhi kohesi dalam kata hubung, iaitu referensi, substitusi dan ellipsis. Dalam pada itu, dapatan kajian oleh I Putu Mas Dewantara (2011) pula mendapati turutan ujaran pasangan berdampingan mengandungi unsur implikatur perbualan. Berdasarkan kajian yang telah dibincangkan, didapati masih belum begitu banyak kajian tentang turutan ujaran pasangan berdampingan secara tepat dan menyeluruh. Hasil kajian terdahulu lebih banyak memberikan tumpuan pada kesantunan, faktor luar bahasa, pembelajaran bahasa dan aspek linguistik. Di samping itu, program pengacaraan sebagai korpus juga didapati kurang digunakan. Sehubungan itu, kajian ini akan menggunakan program pengacaraan *Wanita Hari Ini* sebagai korpus kajian dengan menfokuskan kepada turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pemeran yang terlibat dalam program pengacaraan.

OBJEKTIF

Maka, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pemeran khususnya dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*.

METODOLOGI

Kaedah utama penyelidikan yang akan digunakan adalah kaedah analisis kandungan teks (*Content Analysis Method*) di mana pengkaji memilih skrip pengacaraan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Tujuh topik daripada segmen *Asam Garam Rumah Tangga* yang bersiaran setiap Jumaat sepanjang bulan Februari hingga Ogos 2015, iaitu *Jodoh Tanpa Restu, Hari-Hari Jatuh Cinta, Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah, Caras Milik Orang, Hidayah Ramadan, Belanja Raya Tanggungjawab Siapa* dan *Belanja untuk Cantikkan Isteri* dipilih sebagai bahan kajian. Pautan yang dipilih diperoleh melalui portal Tonton, <http://www.tonton.com/whi>.

Ujaran yang diujarkan oleh P dan ODW dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* telah ditranskripsi dalam bentuk teks bertulis. Transkripsi dibuat berdasarkan sistem transkripsi konvensional Jefferson (2014). Kaedah transkripsi digunakan bagi memudahkan pengkaji untuk merujuk pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang diujarkan oleh pemeran tanpa perlu mengulang rakaman video tersebut berulang-ulang kali. Kaedah ini membantu pengkaji dalam meningkatkan masa dalam meneliti pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang terdapat dalam program pengacaraan tersebut. Bagi memudahkan kerja analisis, setiap ujaran dinomborkan mengikut gerakan.

Teori yang diaplikasi dalam kajian ini ialah Teori Analisis Perbualan oleh Heritage (1992), untuk mengenal pasti dan menganalisis turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pemeran. Turutan ujaran pasangan berdampingan merupakan bentuk giliran percakapan yang paling minimum yang berlaku dalam bentuk berpasangan. Dalam setiap bahagian pasangan pertama akan menyediakan ruang atau kemungkinan yang mesti diikuti oleh bahagian pasangan keduanya. Ini bermakna, jika dalam turutan ujaran tersebut bahagian pasangan pertamanya merupakan satu pertanyaan, maka harus diikuti oleh jawapan sebagai bahagian pasangan keduanya, jika bahagian pasangan pertamanya merupakan satu pelawaan, harus diikuti oleh penerimaan atau penolakan dan sebagainya. Ini dinyatakan oleh Heritage (1992: 246) sebagai:

A basic rule of adjacency pair operations is : given the recognizable production of a first pair part, on its first possible completion its speaker should stop and a next speaker should start and produce a second pair part from the pair type the first pair part is recognizably a member of.

Turutan ujaran pasangan berdampingan ini hanya berfungsi jika wujudnya kerjasama antara pemeran yang terlibat dalam perbualan bagi memastikan kelancaran dalam perbualan (Heritage, 1992: 248). Hal ini kerana turutan ujaran pasangan berdampingan merupakan kerangka normatif dalam membentuk tindakan ujaran yang sistematik. Ini dinyatakan oleh Heritage (1992: 247) sebagai :

*...we are here in pursuit of structural organizations which shape the expectations, understandings and action of interactants.
(...)The adjacency pair structure is a normative framework for actions which is accountably implemented.*

Oleh yang demikian, ciri-ciri dalam perbualan ini membawa kepada perbincangan tentang turutan ujaran pasangan berdampingan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Ujaran pemeran yang terlibat dalam peristiwa bahasa ini mengandungi pola turutan ujaran

pasangan berdampingan yang pelbagai seterusnya mempelbagaikan corak dalam penyampaian sesuatu maklumat.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Data telah dianalisis dalam bentuk deskriptif dan hasil kajian mendapati 15 pola turutan ujaran pasangan berdampingan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* seperti dalam Jadual 1 di bawah;

Pola Pasangan Berdampingan	Segmen
Pasangan berdampingan tegur-sapa	Jodoh Tanpa Restu
Pasangan berdampingan tanya-jawab	Jodoh Tanpa Restu
Pasangan berdampingan pertanyaan-pertanyaan	Hari-Hari Jatuh Cinta
Pasangan berdampingan pertanyaan-sindiran	Caras Milik Orang
Pasangan berdampingan andaian-penjelasan	Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah
Pasangan berdampingan andaian-sangkalan	Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah
Pasangan berdampingan keluhan-bantahan	Caras Milik Orang
Pasangan berdampingan keluhan-penjelasan	Belanja Raya Tanggungjawab Siapa
Pasangan berdampingan sindiran-sindiran	Caras Milik Orang
Pasangan berdampingan sindiran-penjelasan	Belanja Raya Tanggungjawab Siapa
Pasangan berdampingan penawaran-penerimaan	Hari-Hari Jatuh Cinta
Pasangan berdampingan penegasan-penerimaan	Hari-Hari Jatuh Cinta
Pasangan berdampingan perintah-pemberian maklumat	Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah
Pasangan berdampingan permintaan maklumat-penolakan maklumat	Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah
Pasangan berdampingan pemberian penghargaan-pemberian penghargaan	Caras Milik Orang

Jadual 1: Pola turutan ujaran pasangan berdampingan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*

Berikut adalah penerangan analisis berdasarkan 15 pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang terdapat dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*:

(a) Pasangan berdampingan tegur-sapa

Pasangan berdampingan tegur-sapa adalah tindakan pemeran menyapa pemeran yang lain. Tegur sapa ini hanyalah untuk membuka jalan mengadakan perbualan seterusnya. Dalam budaya masyarakat Melayu terdapat banyak cara bertegur sapa antaranya dengan mengucapkan *Apa khabar, Selamat pagi, Assalamualaikum* dan sebagainya seperti dalam dialog (1) yang berikut :

Dialog (1)

13 **P(ii)** : ... Datuk Dr. Fadzilah Muhd Ali, iaitu Perunding Motivasi yang akan bersama-sama kita pada hari ini.

Assalamualaikum.

14 **DD** : **Wa'alaikumussalamwarahmatullah.** Salam Satu Malaysia / dan saya ingin mengucapkan takziah / atas pemergian Datuk Nik Aziz dan juga / Datuk Hasbullah.

15 **P (i)** : Emm // Baiklah dan untuk membuka tirai :: pembincangan kita Jodoh Tanpa Restu ni / mungkin Dr. Datuk

boleh terangkan sedikit sebanyak / jodoh ini // apabila tiada restunya. Bagaimana Doktor?

(Jodoh Tanpa Restu, 13 Februari 2015)

Dalam dialog (1) 13 P(ii) di atas, pasangan berdampingan tegur-sapa dimulakan dengan ungkapan sapaan “*Assalamualaikum*” oleh P diikuti oleh ujaran “*Wa’ alaikumussalamwarahmatullah*” oleh ODW dalam dialog (1) 14 DD. Ucapan ini bukan sahaja dianggap sebagai satu aturan dalam budaya masyarakat malahan satu tuntutan dalam agama Islam. Ungkapan ini paling baik, sopan dan beradab. Hal ini kerana sebelum memulakan perbualan, P sudah mendoakan individu atau mereka yang berkenaan agar berada dalam keadaan sejahtera. Ini seterusnya mempamerkan hubungan sosial antara pemeran dan juga sebagai tanda memberikan penghormatan kepada orang yang memberi hormat. Hal ini bersesuaian dengan ajaran Islam dalam konsep Addin yang meliputi ruang lingkup kehidupan bermasyarakat (Norfaizah Ghazali dan Zulkifli Mohamad, 2017: 9). Melalui tegur sapa, perbualan bukan sahaja berjalan dengan baik, lancar dan dalam keadaan selesa serta harmoni bahkan juga menunjukkan bahawa P dan ODW bersedia untuk meneruskan perbualan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*.

(b) Pasangan berdampingan tanya- jawab

Pasangan berdampingan tanya-jawab merupakan pola turutan ujaran yang paling dominan dan sering digunakan dalam sesebuah program pengacaraan. Tanya-jawab merupakan proses tindak balas yang berlaku apabila salah seorang pemeran menginginkan maklumat (Ahmad Mahmood Musanif, 2001: 16). Dalam program pengacaraan, strukturnya jelas, iaitu P mengajukan soalan terlebih dahulu dan kemudiannya diikuti oleh jawapan atau penerangan daripada ODW dan begitulah sehingga berakhirnya program pengacaraan tersebut seperti dalam dialog (2) yang berikut :

Dialog (2)

15 P (i) : Emm // Baiklah dan untuk membuka tirai ::
pembincangan kita Jodoh Tanpa Restu ni / mungkin Dr Datuk
boleh terangkan sedikit sebanyak / jodoh ini // apabila tiada
restunya. **Bagaimana** Doktor?

16 DD: **Jodoh // pada pasangan-pasangan ini adalah
ketentuan daripada Allah Subhanahuwataala.** Jadi bila / tidak
direstui oleh ibu bapa / atau pasangan yang lagi satu ya /
mungkin ini akan memberi (...)

(Jodoh Tanpa Restu, 13 Februari 2015)

Tanya-jawab dalam dialog (2) 15 (P)(i) di atas, menggunakan bentuk pertanyaan terbuka. Pertanyaan terbuka adalah pertanyaan yang boleh mempunyai jawapan selain jawapan nilai benar (*truth value*) (Ahmad Mahmood Musanif, 2006: 30). Pertanyaan terbuka ini ditandai oleh salah satu kata, seperti *apa, siapa, bila, bagaimana* dan sebagainya. Pertanyaan terbuka sering digunakan dalam program pengacaraan kerana jawapan kepada setiap soalan yang dikemukakan memerlukan respons yang lebih kompleks daripada pemeran. Menurut Heritage (2002: 1427) pertanyaan merupakan satu bentuk tindakan sosial, yang dibentuk untuk mendapatkan maklumat dan menyempurnakan giliran dalam perbualan yang mengandungi pertanyaan dalam bentuk sintaksis.

Kata tanya “*Bagaimana*” dalam dialog (2) 15 (P)(i) ini merupakan pertanyaan yang dikemukakan oleh P kepada ODW berkenan jodoh yang tidak direstui oleh ibu bapa. Berdasarkan struktur ayat tanya ini, jelas sekali bahawa jawapan yang dikehendaki oleh P bukan setakat “ya” atau “tidak” tetapi huraian yang terperinci berkenan jodoh yang tidak direstui oleh ibu bapa. Justeru, P berperanan untuk mencungkil maklumat seberapa banyak yang boleh untuk didedahkan kepada khalayak. Selain itu, melalui pertanyaan terbuka juga

memungkinkan ODW mengungkapkan fikiran dan meluahkan perasaannya seboleh mungkin (Haslinda Saad, 2012: 135).

Sementara itu, pengambilan giliran oleh ODW, iaitu Datuk Dr. Fadzilah Muhd Ali menonjolkan ketokohan beliau sebagai perunding motivasi. Hal ini demikian kerana dalam dialog (2) 16 DD di atas jawapan yang diberikan oleh ODW terhadap pertanyaan terbuka yang diujarkan oleh P adalah bersifat informatif dan berlandaskan perspektif Islam, iaitu “*Jodoh // pada pasangan-pasangan ini adalah ketentuan daripada Allah Subhanahuwataala*”. Kemasukan elemen keislaman dalam dialog (2) 16 DD ini bertepatan dengan topik yang dibincangkan iaitu, *Jodoh Tanpa Restu*. Ini sekali gus memenuhi objektif program pengacaraan untuk mendapatkan maklumat, fakta, data dan penjelasan lanjut berkaitan isu yang dibincangkan. Justifikasinya, unit perbualan adalah asas bagi pembinaan urutan dan tindakan dalam membentuk perbualan. Melalui unit perbualan ini pemeran dapat mengetahui dan memahami turutan ujaran yang diperkatakan (Heritage, 1992: 251).

(c) Pasangan berdampingan pertanyaan – pertanyaan

Pertanyaan dalam perbualan kadangkala tidak diikuti oleh jawapan sebagai bahagian pasangan keduanya. Sebaliknya, diikuti pertanyaan oleh pemeran berikutnya dalam bahagian pasangan kedua. Hal ini berlaku kerana keengganan pemeran dalam pasangan kedua untuk memberikan jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan seperti dalam dialog (3)(a) yang berikut :

Dialog (3)(a)

31 **P(ii)** : Perempuan pun suka benda tu kan tapi ↑ inilah masalah orang lelaki dia tak suka menzahirkan meluahkan perkataan / dia tak suka menunjukkan :: **Kenapa agaknya / adakah penting sebenarnya nak zahirkan dan luahkan?**

32 **DU**: Ok saya tanya soalan.

33 **P (i)**: Dia tanya kita pulak.

34 **DU**: Ok saya tanya balik soalan >ketawa< **Mana lebih dulu cinta melahirkan kata-kata ataupun kata-kata melahirkan cinta.**

35 **P (ii)**: Kalau saya cinta melahirkan kata-kata.

(Hari-Hari Jatuh Cinta, 27 Mac 2015)

Pasangan pertama dalam dialog (3)(a) (31) P(ii) merupakan pertanyaan terbuka yang menggunakan adverba tanya sebab yang ditandai dengan kata tanya “kenapa”. P cuba mendapatkan penjelasan berkenaan sikap kaum suami yang sukar meluahkan dan menzahirkan kata cinta terhadap pasangan. Namun pertanyaan oleh P ini tidak menerima respons yang diharapkan dalam dialog (3)(a) 34 DU. Pengambilan giliran oleh ODW dalam dialog (3)(a) 34 DU tidak menjawab pertanyaan daripada P. Sebaliknya, ODW mengujarkan soalan kepada P, iaitu “... *Mana lebih dulu cinta melahirkan kata-kata ataupun kata-kata melahirkan cinta*”. Pertanyaan oleh ODW timbul kerana ODW ingin melihat sejauh mana pemahaman P terhadap topik yang dibincangkan. Ini secara tidak langsung menimbulkan kelainan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* apabila ODW mengambil alih tugas P dan bukan sebaliknya.

(d) Pasangan berdampingan pertanyaan – sindiran

Dalam perbualan harian, kebiasaannya pasangan berdampingan pertanyaan akan diikuti oleh jawapan. Namun, dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* pasangan berdampingan pertanyaan diikuti oleh sindiran dalam bahagian pasangan keduanya. Ini dapat dilihat dalam dialog (3)(b) yang berikut :

Dialog 3 (b)

23 **P (ii):** (...) ok / jadi pandangan Betty pula tentang Caras ::: Milik Orang ni

24 **BB :** Tak sabar ni tak sabar ini.

25 **P (i):** **Fikiran terbuka ke atau macam mana?**

26 **BB:** Ok macam ni Siapa nak kahwin suami orangkan. Daripada kecil pun *i* bercakap dalam skop perempuan ya / kita tak pernah membayangkan kita akan berkahwin dengan suami orang / Tapi takdir itu ditentukan oleh Allah satu /Keduanya lelaki ni / walid selalu cakap kita kenal-kenal laki kau / kau tak kan kenal sampai dia meninggal. Sebaik-baik kita jaga laki kita pun / sebaik-baik kita **menatang** dia / kalau lelaki itu ditakdirkan untuk dimadukan tetap lelaki kita akan cari orang lain / So / istilahnya di sini lelaki ni paling susah kita nak *predict (...)*

(Caras Milik Orang, 22 Mei 2015)

Dalam program pengacaraan, strukturnya jelas, iaitu P mengajukan soalan kepada ODW, iaitu “*Fikiran terbuka ke atau macam mana?*” yang merupakan permintaan maklumat daripada ODW terhadap soalan yang diujarkan dan ODW mengambil giliran dengan menjawab pertanyaan tersebut. Namun demikian, permintaan maklumat ini mendapat respons ragam bahasa sindiran berbentuk perumpamaan, iaitu “... *Sebaik-baik kita jaga laki kita pun / sebaik-baik kita menatang dia / kalau lelaki itu ditakdirkan ...*” daripada ODW. Ungkapan “menatang” oleh ODW ini merupakan sindiran yang ditujukan kepada suami yang tetap menjalinkan hubungan dengan wanita lain sungguhpun dijaga dan diberi layanan yang baik oleh isteri. Sekali gus, perumpamaan yang digunakan oleh ODW ini menunjukkan penggunaan bahasa simbolik kerana makna perumpamaan tersebut hanya diketahui dengan memahami budaya dan penggunaannya dalam konteks masyarakat Melayu dan tidak dapat difahami dengan merujuk kamus. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Zarina Ahmad (2009: 133) yang menerangkan bahawa makna sesuatu perkataan itu dikiaskan mengikut konteks budaya bahasa Melayu.

(e) Pasangan berdampingan andaian– penjelasan

Sementara itu, pasangan berdampingan andaian-penjelasan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* merupakan andaian yang dinyatakan tanpa bukti yang sahih dalam bahagian pasangan pertama dan diikuti penjelasan oleh pemeran dalam bahagian pasangan kedua. Andaian tersebut menyebabkan timbulnya respons dalam bentuk penjelasan bagi menjelaskan keaburan terhadap sesuatu isu yang dibincangkan seterusnya membolehkan kesahihan sesuatu maklumat diperolehi. Ini dapat dilihat dalam dialog (4) yang berikut :

Dialog (4)

19 **P (ii):** Adakah suaminya bekerja sebelum ini?

20 **PS :** Kerja.

21 P (i): **Bekerja. Tetapi masih lagi meminta duit daripada Puan Siti?**

22 PS : (...) **Maksudnya dia bukan meminta duit / maksudnya dia bukan tidak bekerja / Cuma tak mencukupi untuk dia : / so kita rasa dia perlu / saya tak cukup duit untuk ni / so boleh tak saya pinjam.**

(Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah, 10 April 2015)

Dialog (4) 21 P(i), iaitu “*Bekerja. Tetapi masih lagi meminta duit daripada Puan Siti?*” merupakan andaian oleh P tentang sikap suami ODW yang masih lagi mengharapkan wang daripada isteri meskipun si suami bekerja. Menurut Asmah Hj. Omar (2010: 37) ujaran ini merupakan andaian meskipun tidak menggunakan kata petunjuk adanya andaian, iaitu *mungkin dan kalau*. Andaian yang diungkapkan ini bukanlah meminta jawapan daripada ODW tetapi untuk mempengaruhi pemikiran ODW tentang apa-apa yang dikatakannya. Namun demikian, andaian oleh P ini mendapat respons berupa penjelasan oleh ODW iaitu “*Maksudnya dia bukan meminta duit / maksudnya dia bukan tidak bekerja / Cuma tak mencukupi untuk dia : / so kita rasa dia perlu ...*”. Penjelasan yang diberikan oleh ODW ini menunjukkan ODW menggunakan peluang yang diberikan bukan sahaja untuk mematahkan andaian tersebut tetapi juga memberi penjelasan dan pemahaman yang sebenar terhadap isu yang dibincangkan.

(f) Pasangan berdampingan andaian – sangkalan

Selain itu, pasangan berdampingan andaian-sangkalan turut wujud dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Pasangan berdampingan andaian-sangkalan merupakan andaian oleh bahagian pasangan pertama terhadap isu yang dibincangkan dan diikuti oleh sangkalan atau bantahan dalam bahagian pasangan keduanya. Sangkalan ini wujud apabila maklumat yang diberikan tidak benar seperti dalam dialog (4)(a) yang berikut :

Dialog (4)(a)

23 P (ii) : Ok, **adakah** perangai suami ni / sebelum kahwin lagi dia dah macam tu ataupun kelihatan selepas dah kahwin.

Kekadang lelaki ni ada dua karakter dalam hidupnya >ketawa<

24 P (i) : Selepas kahwin mungkin lain sikit kan

25 PS : Yang tu : / kita :: / saya pun **tak :: /tak** ini sangatlah / sebab : perkahwinan saya yang kedua tu pun memang : / kira macam // terus / waktu tu jumpa dan memang / dah mungkin dah jodoh sayakan / so terus je cepat / kita tak kenal dalam masa yang lama.

(Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah, 10 April 2015)

Dialog (4)(a) 23 P(ii) di atas, merupakan bahagian pasangan pertama yang mengandungi unsur andaian yang ditandai oleh pertanyaan tertutup, iaitu “*adakah*” yang diberi intonasi tanya. Pertanyaan tertutup oleh pengacara ini bertujuan untuk meminta maklumat yang spesifik atau mengesahkan fakta yang berkaitan topik yang dibincangkan, iaitu “*adakah perangai suami ni / sebelum kahwin lagi dia dah macam tu ataupun kelihatan selepas dah kahwin ...*”. Andaian oleh P ini menunjukkan P memanipulasikan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam mengajukan soalan-soalan yang relevan (Md. Sabri Che Man, 2004: 104).

Namun demikian, andaian oleh P tersebut disangkal oleh ODW melalui pengambilan giliran seterusnya dalam dialog (4)(a) 25 PS, iaitu “*... saya pun tak :: /tak ini sangatlah / sebab : perkahwinan saya yang kedua tu pun memang : / kira macam // terus / waktu tu jumpa dan memang / dah mungkin dah ...*”. Penanda penolakan dalam ujaran ini,

iaitu "...tak..." merupakan kata nafi yang disingkatkan daripada perkataan "tidak" dan biasanya digunakan dalam bahasa lisan atau perbualan. Perkataan "tak" dalam ujaran tersebut berfungsi menyatakan sangkalan secara langsung terhadap andaian P dalam ujaran sebelumnya bahawa dia tidak mengenali sikap suami kerana tempoh perkenalan yang singkat. Hal ini wujud akibat daripada kebijaksanaan ODW memanipulasi bahasa dengan gaya bahasa tersendiri dan berinteraksi dengan bersahaja bagi menangkis persoalan yang berbentuk peribadi.

(g) Pasangan berdampingan keluhan – bantahan

Keluhan merupakan ujaran oleh pemeran yang tidak berpuas hati akan sesuatu perbuatan atau sikap dan benda. Manakala bantahan adalah tindakan pemeran menyangkal ujaran keluhan dalam bahagian pasangan keduanya. Pasangan berdampingan keluhan-bantahan berperanan bagi menegakkan kebenaran terhadap isu yang dibincangkan. Ini dapat dilihat dalam dialog (5) yang berikut :

Dialog 5

14 P (ii) : Ok. Baiklah kalau bercerita fasal // Caras Milik Orang ni selalu orang melihat ia sebagai salah satu konotasi yang sangat negatif Dr. Tetapi benarkah / bila berlakunya situasi ini / memang kita melihat / ramai / **menuding jari kepada pihak wanita / tapi sejauh mana kita harus terus menerus meletakkan kesalahan kepada satu pihak sahaja.**

15 Dr: Baik. Topik ini sentiasa panas / topik yang macam ni >ketawa< Jadi bila kita bercakap tentang // hidup kehidupan sebenarnya (...) apabila berlaku satu / perhubungan antara / seorang wanita dengan seorang lelaki / dan kebetulan pula lelaki itu adalah merupakan suami orang / Maka kerap kalilah memang wanita akan dipersalahkan. Dia akan kata // rampas suami orang / dan tergilagila hak orang /... dan tergilagila hak orang / dan cuba mengganggu kebahagiaan orang // tapi dalam masa yang sama kita kena lihat juga **mungkin di pihak lelaki tu sendiri pun sudah memberikan respons / memberikan satu harapan / disebabkan mungkin si suami itu juga mungkin sudah berhasrat / sebenarnya untuk hidup berpoligami ke apa ke / maka berlakulah satu ruang yang dibuka untuk memberi harapan / kepada yang wanita maka / bak kata pepatah kalau bertepuk sebelah tangan tak berbunyi.** Maka / dua-dua sebenarnya meletakkan harapan / maka berlakulah satu perhubungan. Jadi kita // kadang-kadang bila berlaku

(Caras Milik Orang, 22 Mei 2015)

Dalam dialog (5) 14 (P)(ii) di atas P menyatakan keluhannya kepada ODW tentang perspektif masyarakat yang sering menyalahkan kaum wanita sebagai penyebab apabila berlakunya situasi merampas suami orang, melalui ungkapan " ... ramai menuding jari kepada pihak wanita / tapi sejauh mana kita harus terus menerus meletakkan kesalahan kepada satu pihak sahaja." Keluhan P ini seolah-olah turut menyalahkan kaum wanita apabila berlakunya campur tangan orang ketiga. Sungguhpun demikian, keluhan oleh P ini mendapat bantahan daripada ODW, iaitu Dr. Tengku Asmadi Tengku Muhammad dalam dialog (5) 15 Dr, iaitu "*mungkin di pihak lelaki tu sendiri pun sudah memberikan respons /*

memberikan satu harapan / disebabkan mungkin si suami itu juga mungkin sudah berhasrat / sebenarnya untuk hidup berpoligami ke apa ke / maka berlakulah satu ruang yang dibuka untuk memberi harapan / kepada yang wanita maka / bak kata pepatah kalau bertepuk sebelah tangan tak berbunyi.” Ini menunjukkan pendirian ODW berkaitan topik yang dibincangkan tidak berat sebelah. Sebaliknya turut menyalahkan kaum lelaki tentang punca berlakunya kehadiran orang ketiga dalam rumah tangga. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa melalui pasangan berdampingan keluhan-bantahan ini dapat membicarakan dan mengulas persoalan-persoalan dan isu-isu kontroversi yang biasa berlaku dalam rumah tangga.

(h) Pasangan berdampingan keluhan – penjelasan

Pasangan berdampingan keluhan-penjelasan merupakan keluhan akan suatu perbuatan atau sikap diikuti oleh penjelasan terhadap keluhan tersebut dalam pasangan kedua. Ujaran keluhan yang diujarkan oleh P memberikan kelainan dalam program pengacaraan selain mempelbagaikan teknik pertanyaan. Manakala ODW memikul peranan memberikan penjelasan kepada khalayak tentang topik yang dibincangkan. Ini dapat dilihat dalam dialog (5)(a) yang berikut:

Dialog 5(a)

91 **P(i)** : bagaimana pula pandangan Awal sendiri : **bagi anak-anak yang mungkin kadang-kadang / dia terlupa yang sebenarnya / yang ibu bapa ni memerlukan perhatian / dan dalam suasana kita nak meraikan hari raya ini : dalam suasana yang gembira : dan sebagainya / tetapi anak-anak yang mungkin sudah berkeluarga ini : mungkin lebih memberi fokus kepada keluarga hingga lupa kepada ibu bapa /**

92 **(AA)**: saya :: tertarik dengan persoalan tu : sebab saya mengalaminya : situasi yang sama : bila kita dah berkeluarga dahulunya kita berikan kepada ibu bapa walaupun ... **sebab kita baru nak dirikan keluarga / excited baru nak dapat anak / fokuskan anak / anak lebih / kadang-kadang kewangan yang selalu kita spend pada keluarga : kita salurkan kepada anak kita pula : jadi banyak faktor yang membuatkan / ibu bapa atau keluarga di sebelah sana akan terasa : akan terefek / bila kita keluarga kedua pula :**

94 **(AA)**: kita kena bahagi-bahagikan / jadi bila benda-benda macam ni berlaku : Awal selalu mengambil sikap // di mana : ok macam / **Sha akan ambil masa uruskan keluarganya satu hari ok kita berpecah / kalau** selalu kita terbuka bersama-sama : dia terbuka dengan keluarga : saya tapi satu hari berpecah *you* akan bawa family mak papa pergi shopping / dan *I* akan bawa *my mom and my dad* pergi shopping // ...

(Belanja Raya Tanggungjawab Siapa?, 10 Julai 2015)

Dalam dialog (5)(a) 91(P)(i) di atas, ragam bahasa mengeluh atau seruan digunakan untuk menyatakan kekecewaan yang dialami, iaitu “...*bagi anak-anak yang mungkin kadang-kadang / dia terlupa yang sebenarnya / yang ibu bapa ni memerlukan perhatian /...*”. Selain berperanan sebagai suatu keluhan, ujaran ini juga berperanan sebagai salah satu cara permintaan maklumat oleh P. Menurut Asmah Hj. Omar (2010: 26) permintaan maklumat

merupakan lakuan bahasa yang utama dalam program pengacaraan. ODW mengambil giliran dalam perbualan, iaitu dengan menjawab permintaan tersebut dengan ungkapan penjelasan, iaitu “... : sebab kita baru nak dirikan keluarga / excited baru nak dapat anak / fokuskan anak / anak lebih / kadang-kadang kewangan yang selalu...” dalam dialog (5)(a) 92(AA). Ini sekali gus menunjukkan melalui pasangan berdampingan keluhan – penjelasan pemerolehan maklumat turut dapat dilakukan.

(i) Pasangan berdampingan sindiran – sindiran

Pasangan berdampingan sindiran-sindiran merupakan ujaran yang mengandungi kritikan. Dalam sindiran orang yang dikritik tidak disebut nama dan tidak disebut sesuatu yang berkaitan secara langsung dengannya (Asmah Hj. Omar, 2013: 85). Perhatikan dialog (6) yang berikut :

Dialog 6 :

39 P (ii): Ok itu dia kisah Nora / **yang tidak boleh mengelak daripada mencintai suami orang :: / dan kalau kita lihat dan kita kata seorang tu nak berkahwin dengan suami orang / orang mesti kata kan ramai lagi lelaki di luar sana / itu yang selalu orang katakan ...**

40 **BB:** Dia macam ni tau / Dia bila orang tak pernah masuk ke alam perkahwinan dia tak peduli / So bila hati dah tersangkut tu ... **walau bagaimanapun // yang tak dapat dielakkan tu / dia kena memikirkan akan adanya Karma.** Dia boleh mengahwini yang kedua maka suami dia akan boleh mengahwini yang yang ketiga keempat *so* yang Karma menjaga Karma dia / *In order to* jaga Karma ni dia kena *make sure* suami dia :: untuk bersikap adil dengan isteri pertama Masalahnya yang lelaki ini adalah :: **lelaki ini kalah dengan perempuan / sebab itu nafsu lelaki hanya pada perempuan / nafsu perempuan banyak kepada barang sampai 9 / Nafsu lelaki hanya satu** *so* kalaulah dia mendapat isteri yang kedua / yang baik yang membuatkan dia sentiasa sedar akan tanggungjawab dia

..

(Caras Milik Orang, 22 Mei 2015)

Dalam dialog (6) 39 P(ii) di atas “...*dan kalau kita lihat dan kita kata seorang tu nak berkahwin dengan suami orang / orang mesti kata kan ramai lagi lelaki di luar sana...*” merupakan ragam bahasa sindiran yang diujarkan oleh P. Menurut Raminah Sabran dan Rahim Syam (1986: 305) bahasa sindiran adalah bentuk bahasa yang ditujukan maksudnya kepada seseorang dengan tidak disebut secara tepat. Sindiran oleh P ini ditujukan kepada golongan wanita yang kononnya tidak boleh mengelak daripada jatuh cinta dengan suami orang. Walhal ramai lagi lelaki bujang di luar sana. Di samping itu, penggunaan ragam bahasa sindiran oleh P ini juga merupakan pembangkitan perkara (*raising a point*) yang bertujuan untuk mengemukakan sesuatu maklumat atau isu yang ada hubung kait dengan program pengacaraan, sama ada maklumat atau isu itu sesuatu yang sudah diperkatakan oleh orang atau sesuatu yang baharu (Asmah Hj. Omar, 2010: 32).

Ragam bahasa sindiran dilanjutkan dalam dialog (6) 40 BB, iaitu “*walau bagaimanapun // yang tak dapat dielakkan tu / dia kena memikirkan akan adanya Karma.*” apabila ODW mengambil giliran dalam berbual dengan menyindir kaum wanita yang tidak dapat berfikiran waras apabila jatuh cinta dengan suami orang dan beliau turut memberikan

peringatan bahawa setiap perbuatan akan mendapat balasan yang setimpal oleh Allah. Sindiran demi sindiran oleh ODW dalam pengambilan gilirannya dapat dilihat dalam dialog (6) 40 BB, iaitu "...::: lelaki ini kalah dengan perempuan / sebab itu nafsu lelaki hanya pada perempuan / nafsu perempuan banyak kepada barang sampai 9 / Nafsu lelaki hanya satu ...". Melalui pasangan berdampingan sindiran-sindiran ini tindakan wanita yang menjalin hubungan dengan suami orang tidak digambarkan secara nyata atau berterus terang oleh ODW, sebaliknya menggunakan kata-kata yang sedap didengar walaupun dalam keadaan marah. Hal ini berlaku demikian kerana dalam masyarakat Melayu, nilai berbudi dan berbahasa dianggap sebagai suatu nilai yang disanjung tinggi kerana menggambarkan kesopanan seseorang. Nilai tersebut sering diamalkan terutama dalam tutur kata yang bertujuan untuk menjaga hati si pendengar (Ismail Hamid, 2017:74).

(j) Pasangan berdampingan sindiran- penjelasan

Selain pasangan berdampingan sindiran-sindiran terdapat juga pasangan berdampingan sindiran-penjelasan. Pasangan berdampingan sindiran-penjelasan ini terjadi apabila pemeran menyindir sesuatu perbuatan atau perkara sama ada secara berterus terang atau kias ibarat dan mendapat respons berbentuk penjelasan terhadap sindiran tersebut seperti dalam dialog (6)(a) yang berikut :

Dialog 6(a)

88 **P(i)** : kita nak tanya : tanya tanggungjawab tu : kita dah kongsi tadi setakat membeli baju : bertanya khabar : kadang-kadang / antara lain yang sering kali dilupakan / **mak bapak dah meninggal / jadi ibunya seorang / jadi kadang-kadang zakat tu pun lupa nak bayarkan / jadi macam mana pula tu ?**

89 **PM** : (...) itu memang sesuatu : yang bukan jumlah yang besar

90 **P(i)** : tujuh ringgit

91 **PM** : tujuh ringgit / so : selain anggap sebagai duit / kita kena anggap dia **sebagai satu kewajipan / umat Islam dan / bila ibu tu : kita punya tanggungjawab / berbanding zakat fitrah ni pun adalah kita punya kewajipan (...) so kalau kita anggap itu kewajipan / tak boleh nak dielakkan / insya Allah kita akan bayar / wajib / benda yang wajib / macam puasa sekarang / kita : sebenarnya boleh memilih untuk tidak berpuasa tetapi : kita berpuasa : sebab kita tahu benda ini adalah arahan / daripada Allah s.w.t / sama juga dengan zakat fitrah juga / maknanya kita kena : letakkan diri kita :: zakat fitrah itu tanggungjawab**

(Belanja Raya Tanggungjawab Siapa?, 10 Julai 2015)

Dialog (6)(a) 8 8P(i), iaitu "...mak bapak dah meninggal / jadi ibunya seorang / jadi kadang-kadang zakat tu pun lupa nak bayarkan / jadi macam mana pula tu ?" merupakan ragam bahasa sindiran. Menurut Md. Sabri Che Man (2004: 261) sindiran merupakan bentuk eufemisme daripada akal budi pemikiran Melayu untuk menyatakan sesuatu perkara secara tidak langsung. Sindiran ini diujarkan oleh P bagi menyindir sikap segelintir anak-

anak yang mengabaikan tanggungjawab membayar zakat bagi pihak ibu mereka. Pada waktu yang sama, ragam bahasa sindiran ini digunakan bagi memperoleh penjelasan daripada ODW terhadap pernyataan yang diutarakan. ODW mengambil giliran dalam berbual dengan menjawab pertanyaan tersebut dengan memberikan penjelasan, iaitu “*sebagai satu kewajipan / umat Islam dan / bila ibu tu : kita punya tanggungjawab / berbanding zakat fitrah ni pun adalah kita punya kewajipan (...) ...*” dalam dialog (6)(a) 91 PM. Dengan berbuat demikian, ungkapan ODW ini bukan sahaja mengandungi unsur penjelasan bahkan juga bersikap serampang dua mata dan secara tidak langsung menunjukkan kehalusan berbahasa oleh ODW.

(k) Pasangan berdampingan penawaran- penerimaan

Pasangan berdampingan tawaran-penerimaan terjadi dalam perbualan apabila pemeran utama menawarkan atau mengajak pemeran yang lain untuk melakukan sesuatu. Respons daripada tawaran atau ajakan tersebut adalah penyampaian maklumat yang di dalamnya terkandung maksud menerima tawaran yang diberikan. Ini dapat dilihat dalam dialog (7) yang berikut :

Dialog (7)

25 P(i): **Kalau kita melihat pada wajah Emelda ada tersirat sesuatu yang (...)**

26 P(ii) : Tak sabarnya nak cakap kan >ketawa< macam mana bagi Emelda sendiri?

27 ER: **Ya lah macam Mel / macam perempuan kan jenis lembut hati :: nak *sweet-sweet* nak romantik *all the time* / tapi untuk artis macam suami saya sibuk bekerja tu kita tak dapatlah nak buat benda yang kita nak tu hari-hari : / tapi Mel sebagai perempuan Mel rasa / suka lah :: ...**

(Hari-Hari Jatuh Cinta, 27 Mac 2015)

Dialog (7) 25 P(i) “... *Kalau kita melihat pada wajah Emelda ada tersirat ...*” merupakan lakuan bahasa penawaran. Lakuan bahasa penawaran oleh P ini bertujuan memberi peluang kepada ODW untuk memberikan pandangan berkenaan isu yang dibincangkan. Ini bagi memastikan agar perbualan yang interaktif berterusan. Lakuan bahasa penawaran ini diterima oleh ODW dalam pengambilan gilirannya, iaitu “*Ya lah macam Mel / macam perempuan ...*” dalam dialog (7) 27 ER. Peluang yang diberikan oleh P digunakan sebaik mungkin oleh ODW untuk menyatakan pandangannya secara tidak langsung meluahkan perasaannya terhadap keinginannya untuk sentiasa jatuh cinta dengan pasangannya. Selain itu, pasangan berdampingan tawaran dan penerimaan boleh diungkapkan secara tidak verbal melalui isyarat tubuh badan seperti mengangguk kepala sebagai tanda menawar atau menerima sesuatu ujaran.

(l) Pasangan berdampingan penegasan – penerimaan

Pasangan berdampingan penegasan-penerimaan merupakan ujaran penegasan dalam bahagian pasangan pertama yang dapat dilihat melalui kata penegas *-kah*. Sementara bahagian pasangan kedua menerima ujaran penegasan tersebut dengan kata penekan *-nya*. Pasangan berdampingan penegasan-penerimaan adalah seperti dialog (8) yang berikut :

Dialog (8)

60 **P (i)** : ... Adakah ustaz setuju : / dengan apa yang dikatakan oleh Adlin “ ? ataupun apa yang dikatakan oleh Emelda atau cara yang bagaimana?

61 **DU**: **Sebenarnya** / saya rasa orang lelaki dia memang tak sama dengan orang perempuan // ...

66 **DU**: Kena pada tempat / orang perempuan pun dia lembut pada tempat juga / yang paling penting / dalam berumahtangga kena ingat / bahawa tugas kita (...) rumahtangga ini ::/ kalau kita nak orang / hormat kita / **kita kena hormat dia dulu** :: hormat dia dulu :: jadi *you* nak dapat banyak *you give more* : / memang konsep dia / *you* dapat banyak dan yang kedua : / orang yang memberi lebih seronok daripada orang menerima ::/ contohnya kita beri sayang :: / kita pujuk :: / kita sabar :: / sabar ni *assaborjamine* / ... keduanya hati ni kadang hati ni liar / dan kita kena minta pemilik hati tu namanya Allah / untuk jaga hati suami isteri :: / sebab itu wajib :: / **kena doa / supaya lembutkan hati suami dan minta lembutkan hati isteri** //

(Hari-Hari Jatuh Cinta, 27 Mac 2015)

Dialog (8) 60 P(i) di atas, ujaran penegasan oleh P ditandai oleh penggunaan kata penegas – *kah*, iaitu “*Adakah ustaz setuju...*”. Kata penegas yang juga disebut kata partikel atau kata penyerta, adalah perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat (Nik Safiah et al., 2010: 261). Penggunaan kata penegas *-kah* ini diujarkan oleh P dengan meminta ODW memilih pendekatan dalam memupuk perasaan cinta dalam kalangan suami isteri. Penegasan dalam pemilihan jawapan penting dilakukan oleh ODW bagi membolehkan P dan khalayak memahami pendekatan yang boleh digunakan dalam memupuk perasaan cinta dalam kalangan suami isteri.

Sementara itu, pengambilan giliran oleh ODW dalam dialog (8) 61 DU, iaitu “**Sebenarnya** / saya rasa ...” merupakan ujaran penerimaan oleh ODW melalui kata penekan – *nya* bagi mengiakan pertanyaan P bahawa wujudnya pendekatan yang berbeza yang digunakan oleh setiap pasangan, iaitu lelaki dan perempuan dalam memupuk perasaan cinta. Namun demikian, dalam dialog (8) 66 DU ODW tetap menyatakan pandangan beliau melalui ungkapan “*kita kena hormat dia dulu*” dan “*kena doa / supaya lembutkan hati suami dan minta lembutkan hati isteri* //”, iaitu terdapat pendekatan lain dalam memupuk perasaan cinta, antaranya melalui doa dan menghormati pasangan meskipun di awal ujaran oleh P wujudnya penegasan dalam pemilihan jawapan.

(m) Pasangan berdampingan perintah – pemberian maklumat

Pasangan berdampingan perintah–pemberian maklumat merupakan ujaran yang diujarkan oleh penutur yang bertujuan agar pendengar menuruti apa-apa yang disuruh oleh penutur. Ujaran perintah ini berupa arahan dan diikuti oleh pemberian maklumat oleh penutur seterusnya seperti yang dilihat dalam dialog (9) di bawah ini :

Dialog (9)

10 **P (i)**: Itu pendapat orang ramai : mengenai suami yang lepas tangan isteri pemurah sangat :: Ok baiklah seperti / yang kita perkenalkan ... pengalaman / daripada kak Siti kita ni mengenai kehidupannya bersama dengan suaminya. **Silakan.**

11 PS : Terima kasih. **Saya di sini untuk bercerita tentang pengalaman sayalah / setelah dua kali berumah tangga dan mungkin boleh dikongsi bersama penonton WHI yang mana yang baik. Ok jadi perkahwinan saya adalah perkahwinan saya yang kedua / selepas saya menjadi ibu tunggal. Jadi sebagai seorang ibu tunggal saya / berdikari. Saya cari duit sendiri : Berdiri atas kaki sendiri : dan selepas ::: untuk berkahwin kali kedua pun saya masih merasa yang...**
(Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah, 10 April 2015)

Dalam dialog (9) 10 P(ii) di atas, menunjukkan kata perintah silaan yang ditandai oleh kata "Sila...". Kata perintah silaan merupakan ujaran perintah kepada pemeran agar segera melakukan apa-apa yang diperintahkan. Kata perintah silaan ini memperlihatkan tanda santun dalam budaya masyarakat Melayu kerana diujarkan secara halus. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan pemeran perbualan mempamerkan usaha yang tinggi untuk menyantuni antara satu sama lain serta khalayak pendengar demi mencapai matlamat komunikasi mereka (Arina Johari dan Indirawati Zahid, 2016: 82). Kata silaan atau pelawaan ini ditujukan kepada ODW oleh P sebagai tanda memberikan kebenaran atau keizinan kepada ODW untuk menyatakan pengalaman beliau berhadapan dengan suami yang bersikap lepas tangan dalam melaksanakan tanggungjawab dalam menguruskan rumah tangga.

Sementara itu, dialog (9) 11 PS merupakan pengambilan giliran oleh ODW yang merupakan pemberian maklumat berkaitan tentang pengalamannya bersuamikan suami yang bersikap lepas tangan, melalui ungkapan "*Saya di sini untuk bercerita tentang pengalaman sayalah / setelah dua kali berumah tangga dan mungkin boleh dikongsi ... seorang ibu tunggal saya / berdikari. Saya cari duit sendiri : Berdiri atas kaki sendiri : dan selepas ::: untuk berkahwin kali kedua pun saya masih merasa yang...*". Ujaran ini menunjukkan kecenderungan turutan yang disenangi (*preference organization*) atau respons yang diberikan oleh ODW bersesuaian dengan apa-apa yang diharapkan oleh P. Struktur kecenderungan turutan yang disenangi (*preference*) ini memainkan peranan dalam mengekalkan hubungan sosial dalam interaksi (Heritage, 1992: 265-280).

(n) Pasangan berdampingan permintaan maklumat – penolakan maklumat

Permintaan maklumat merupakan matlamat utama dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Pasangan berdampingan permintaan maklumat membolehkan matlamat sesebuah program pengacaraan untuk mendapatkan maklumat, fakta, dan penjelasan lanjut tentang sesuatu perkara tercapai. Namun demikian, penolakan maklumat dalam bahagian pasangan kedua menggagalkan permintaan maklumat dalam bahagian pasangan pertama. Lihat dialog (10) di bawah ini:

Dialog (10)

12 P(i) : Berapa agaknya jumlah? **Boleh** kita tahu berapa jumlah yang telah diberikan kepada suami ni tadi?

13 PS : *Amount* tu tak de lah kita kata bagi sese // apa macam //

14 P (ii) : Selepek macam tu

15 PS : **Selepek macam tu. Cuma kadang-kadang kalau dia kata ok boleh tak saya nak pinjam sikit untuk :: pinjam ya istilahnya :: pinjam sikit ya untuk (...) kita pun fikir : fikir : fikir : Sebab kita pun pernah susah so tak tergamak rasa macam nak :: tak :: tak :: bagi tu kan. Jadi kita rasa macam**

**/ oklah saya bagi. Saya bagi pinjam so kita akan bagilah
amount tu / kadang tak pernah pun berganti //**

(Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah, 10 April 2015)

Berdasarkan dialog (10) 12 P(i) di atas, perkataan "...*boleh*..." menunjukkan permintaan maklumat oleh P dilakukan melalui kaedah tak langsung. Kata "*Boleh*" memainkan peranan sebagai permintaan tak langsung melalui ayat tanya. Kata kerja modalitas "*boleh*" merupakan suatu pertindanan fungsi pertanyaan dengan fungsi permintaan. Menurut Asmah Hj Omar (2010: 33) ungkapan "*boleh*" bukan meminta atau menunggu jawapan ya atau tidak, tetapi mengajukan permintaan secara halus. Pertanyaan P yang bermula dengan "*boleh*" merupakan ujaran yang sesuai digunakan bagi melembutkan ujaran permintaan berkaitan jumlah wang yang telah diberikan oleh ODW kepada suaminya, melalui ungkapan "... *Boleh kita tahu berapa jumlah yang telah diberikan kepada suami ni tadi?*"". Ini secara tidak langsung menunjukkan kesantunan berbahasa dalam kehidupan merupakan satu ciri keistimewaan budaya masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu cenderung menggunakan bahasa yang sopan dan lembut dalam melakukan sesuatu permintaan dan diakui oleh ramai sarjana bahasa termasuk Ahmad Mahmood Musanif (2000: 96). Ujaran "*boleh*" turut memberikan alternatif kepada ODW sama ada mengabaikan permintaan tersebut atau sebaliknya memberitahu jumlah sebenar wang yang telah diberikan kepada suami beliau.

Pengambilan giliran oleh ODW dalam bahagian pasangan kedua adalah dengan menjawab permintaan tersebut melalui ungkapan penolakan, iaitu "*Selepek macam tu. Cuma kadang-kadang kalau dia kata ok boleh tak saya nak pinjam sikit untuk :: pinjam ya istilahnya ...*". Ujaran penolakan oleh ODW melakukan penolakannya dalam memberikan maklumat tentang jumlah sebenar yang telah diberikan kepada suami sebelum ini. Sebaliknya hanya menyatakan jumlahnya secara rambang, dalam dialog (10) 15 PS, iaitu "*Selepek macam tu ...*" Selain itu, dalam ujaran penolakan turut wujud pencampuran kod (*code mix*) oleh ODW. Campur kod merupakan suatu keadaan berbahasa yang terjadi apabila penutur mencampurkan dua atau lebih bahasa dalam suatu lakuan bahasa (Nababan, 2007: 98). Kata "*Amount*" dalam dialog (10) 13 PS menunjukkan ODW menyelitkan kata daripada bahasa Inggeris. Campur kod ini merupakan gejala penggunaan bahasa yang biasanya berlaku dalam masyarakat pelbagai bahasa dan dialek yang menunjukkan penuturnya berkebolehan menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa yang berlainan, walaupun darjah kefasihannya bagi bahasa berkenaan tidak sama rata. Namun demikian, perkataan bahasa Inggeris yang diserapkan dalam ujaran tersebut boleh digantikan dengan perkataan bahasa Melayu jati. Misalnya, perkataan *amount* boleh digantikan dengan perkataan "jumlah".

(o) Pasangan berdampingan pemberian penghargaan-pemberian penghargaan

Pasangan berdampingan pemberian penghargaan-pemberian penghargaan merupakan ujaran penghargaan oleh pemeran dalam bahagian pasangan pertama dan diikuti oleh bahagian pasangan kedua yang turut memberi penghargaan seperti yang dilihat dalam dialog (11) yang berikut:

Dialog (11)

10 P(ii) : (...) dan saya kira / bagaimana kita nak melihat daripada satu ruang yang lebih positif / untuk suami dan juga wanita yang selalu dipersalahkan ini :: dan anda juga boleh memberikan sebarang komen ataupun bertanyakan sebarang soalan kepada tetamu kami di atas talian bebas tol 1 800 8866 36 :: Baiklah / hari ini kita akan / bersama dengan dua finalist kita di hujung sana

kita bersama dengan Dr Tengku Asmadi Tengku
Muhamad. **Terima kasih bersama kami hari ini Dr ::**
11 Dr : **Terima kasih** lina. Insyallah
(Caras Milik Orang, 22 Mei 2015)

Dalam dialog (11) 10 P(ii) dan dialog (11) 11 Dr di atas, menunjukkan giliran dalam berbual antara P dengan ODW. P memberikan penghargaan kepada ODW kerana kesudian meluangkan masa menyertai program pengacaraan *Wanita Hari Ini*, melalui ungkapan “*terima kasih bersama kami hari ini Dr ::*”. Ujaran “*terima kasih*” merupakan ujaran yang sering diujarkan dalam masyarakat dan budaya Melayu apabila seseorang itu mendapat penghargaan, penghormatan, pemberian atau pertolongan. Penghargaan ini turut menerima ungkapan penghargaan, iaitu “*terima kasih*” oleh ODW sebagai tanda penghargaan kerana telah mengundangnya bagi membincangkan topik *Caras Milik Orang*. Kaedah pemeraan ini digunakan oleh P dan ODW untuk saling mempengaruhi perasaan antara satu sama lain seterusnya mewujudkan suatu ikatan yang lebih mesra (Sharil Nizam Sha'ri et.al, 2016: 116). Dengan berbuat demikian, seseorang itu akan dapat dianggap santun apabila dalam bertutur selalu berusaha memberikan penghargaan kepada orang lain (Haslinda Saad, 2012: 204).

PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, P dan ODW dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* telah menggunakan pelbagai jenis pola turutan ujaran pasangan berdampingan berdasarkan kepada analisis yang berpandukan teori analisis perbualan oleh Heritage (1992). Pola turutan ujaran pasangan berdampingan oleh P dan ODW mempunyai turutan dan fungsinya yang tersendiri. Hasil kajian mendapati terdapat 15 pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang digunakan oleh P dan ODW. Hal ini membuktikan meskipun program pengacaraan *Wanita Hari Ini* kelihatan mudah dan terarah kepada pola turutan ujaran pasangan berdampingan tanya-jawab namun di sebaliknya, terkandung kepelbagaian variasi pasangan berdampingan seterusnya memaparkan lakuan pertuturan yang berbeza mengikut turutan perbualan. Turutan perbualan ini bukan sahaja memberikan pengetahuan dan penguasaan tentang cara tanya-jawab dalam perbualan tetapi juga menjadi tunjang atau asas dalam kelancaran sesebuah perbualan. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini memperlihatkan turutan ujaran pasangan berdampingan dalam perbualan bukan sahaja memberikan kelainan dalam sesebuah program pengacaraan tetapi juga dapat mempelbagaikan corak penyampaian sesuatu maklumat.

Bibliografi

- Afritta Dwi Martyawati. (2014). Pasangan Berdampingan (Adjacency Pairs) dalam Lombangapeh di Kutai Kartanegara. *Prosiding Seminar Nasional Prasasti (Pragmatik: Sastra dan Linguistik)*, Universitas Sebelas Maret, 27 November.
- Ahmad Bengar Harahap. (2016). Model Analisis “Adjacency Pair” dalam Struktur Percakapan (Sebuah Pendalaman Materi). *Jurnal Bahasa FBS-UNIMED*, 41 (02), 74-79.
- Ahmad Bengar Harahap. (2009). Pasangan Berdampingan (*Adjacency Pairs*) dalam Struktur Percakapan Bahasa Jerman. *Jurnal Bahasa*, 18(02), 73-79.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2000). Konsep Pertanyaan Dan Hubungannya Dengan Nilai-Nilai Budaya Masyarakat Melayu. Dlm. *Diverse Voices: Reading In Language, Literatures and Cultures*. Serdang, Selangor: UPM Press.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2001). Niat Pengucapan dalam Sintaksis dari Teori Lakuan Pertuturan. Dlm. *Monograf Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu*. (Edisi 5.,hal. 19-29). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2006). Analisis Perbualan: Konsep dan Pendekatan. Dlm. *Ujana Minda Jilid 1. Kumpulan Esei Bahasa, Sastra dan Komunikasi*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2), 120-152.
- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016). Aplikasi Strategi Kesantunan dalam Rancangan Bual Bicara Motivasi Diri Radio IKIMFM. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 120-152.
- Asmah Hj. Omar. (2010). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2013). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haslinda Saad. (2012). Lakuan Pertuturan dalam Wacana Wawancara. *Tesis Ph.D.* Universiti Putra Malaysia.
- Heri Mudra. (2018). Pasangan Berdampingan pada Ujaran Percakapan di Naskah *Film Lost In Translation* Karya Sofia Coppola. *Journal Humanus*, 17(1), 126-137.
- Heritage, J. (1992). *Garfinkel and Ethnomethodology*. Cambridge: Polity Press.
- Heritage, J. (2002). The Limits of Questioning: Negative Interrogatives and Hostile Question Content. *Journal of Pragmatics*, 20(34),1427-1446.
- I Putu Mas Dewantara. (2011). Implikatur Percakapan dan Pola Pasangan Berdampingan dalam Percakapan Antarsiswa Kelas IX IPA 1 SMP Negeri 1 Sawan. Latihan Ilmiah, Program Pascasarjana, Undiksha Singaraja.
- Indirawati Zahid dan Nasihah Hashim. (2018). Strategi dan Struktur Kesantunan Melayu dalam Kritikan *Mentor*: Rancangan Realiti Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(2), 134-153.
- Ismail Hamid. (2017). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jefferson, G. (2014). *A sketch of Some Orderly Aspects of Overlap in Natural Conversation*. In G.H. Lerner (ed.) *Conversation Analysis: Studies from the First Generation*. Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Kalthum Ibrahim dan Nur Faezah Kamaruzaman. (2017). Kesantunan Bahasa dalam Rancangan Bual Bicara Meletop: Satu Kajian Sociolinguistik. *Jurnal Linguistik*. 21(2), 60-68.
- Maria Theresia Priyastuti. (2017). Interupsi pada Percakapan Proses Pembelajaran Bahasa Inggris di Stikes ST. Elisabeth Semarang. *Prosiding Seminar Nasional dan International*, Universitas Muhammadiyah Semarang, 7 Oktober.

- Md. Sabri b. Che Man. (2004). Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: Satu Kajian Etnografi Komunikasi. *Tesis Ph.D.* Universiti Putra Malaysia.
- Mey, Jacob.L. (2001). *Pragmatics: An Introduction. Second Edition.* Oxford: Blackwell Publishing.
- Mohd Abdul Nasir Abd.Latif. (2014). Wacana Komunikasi Dalam Al-Quran: Satu Analisis Terhadap Dialog Dua Hala. *Tesis Ph. D.* Universiti Malaya.
- Ni Putu Elistiawati, Ni Luh Nyoman Seri Malini dan I Nyoman Triediwan. (2016). Conversational Analysis: A Case Study On The Conversation Between Receptionists and Guest at Kunja Villas. *Jurnal Humanis*, 16(3), 229-236.
- Nababan. P.W.J. (2007). *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar.* Jakarta: Gramedia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan.* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfaizah Ghazali dan Zulkifli Mohamad. (2017). Pengaruh Budaya dalam Drama Bisikan Malaya. *Jurnal Kesidang*, 2(1), 1-17.
- Raminah Sabrandan Rahim Syam. (1986). *Kajian Bahasa.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz,dan Hasnah Mohamad. (2013). Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3),164-178.
- Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Siti Rasyidah Sanudin, Sarinah Sulaiman, Sarinah, dan Ahmad Mahmood Musanif. (2017). *Peraturan Interaksi Peristiwa Komunikatif Wawancara dalam Akhbar.* *GEMA Online® Journal of Language Studies*,17(3), 70-85.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim dan Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia dan Pelancong Jepun. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(3), 849-863.
- Siti Norsyahida Mohd A. Rashid dan Nurfarhana Shahira Rosly. (2016). Unsur Humor dalam Rancangan Televisyen Popular. *Jurnal Kesidang*, 1(1).154-172.
- Sharil Nizam Sha'ri, Hafizan Azman, Mohd Asri Ismail dan Vivekananda M A A/L N. Marie. (2016). Retorik dalam Risalah Iklan Makanan Segera di Seksyen 7, Shah Alam, Selangor. *Jurnal Kesidang*, 1(1), 102-127.
- Sulis Setiawati dan Heppy Atma Pratiwi. (2016). Aspek Kohesi Konjungsi dalam Wacana Opini pada Majalah Tempo dan Implikasinya terhadap Pembelajaran Bahasa Indonesia. *Jurnal Gramatika*, Vi (il),45-56.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan Semangat Melayu.* Pekan Baru: Tenas Effendy Foundation dan Akademi Pengajian Melayu.
- Yashinta Farahsani. (2013). Analisis Wacana Percakapan dalam Komedi Situasi The IT Croow Seri 1. *Tesis Sarjana.* Universitas Gadjah Mada.
- Zarina Ahmad. (2009). Keterampilan Bertutur Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Di Selangor. *Tesis Ph.D.* Universiti Putra Malaysia.

Sumber-sumber lain :

<http://www.tonton.com/whi>.